

**Penculikan di Semporna: PM tak wajar buat spekulasi**  
**Free Malaysia Today**  
**4 April 2014**  
**Oleh Adam Abu Bakar**

Malaysia adalah antara negara yang paling digemari oleh pelancong China.

PETALING JAYA: Luka hubungan dua hala antara Malaysia dan China berdarah kembali, ekoran kejadian penculikan dua pelancong di Semporna, Sabah yang mana salah seorang daripada tebusan tersebut adalah warga China, manakala seorang lagi mangsa adalah rakyat Filipina.

Walaupun isu kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) penerbangan MH370 dari Kuala Lumpur ke Beijing yang membawa 227 orang penumpang dan 12 orang anak kapal masih diperkatakan dan turut dikatakan antara punca kepada kekeruhan hubungan dua hala di antara Malaysia dan negara Tembok Besar itu.

Menurut bekas Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Wangsa Maju, Shahbudin Husin, dua kejadian yang membabitkan warga China pasti akan akan menjejaskan kedatangan pelancong daripada negara tersebut ke negara kita.

“Sebelum ini Malaysia adalah antara negara yang paling digemari oleh pelancong China.

“Jika dalam insiden kehilangan MH370, 158 daripada 239 penumpangnya adalah warga China dan ketika kejadian penculikan di sebuah resort di Semporna itu pula, daripada 61 pelancong yang sedang menginap, 59 daripadanya adalah warga China,” tulis beliau dalam posting blognya yang terbaru [www.shahbudindotcom.blogspot.com](http://www.shahbudindotcom.blogspot.com).

Katanya, dengan berlakunya kes penculikan ini pastinya beban dan sengsara kerajaan pasti akan menjadi lebih berat, kerana kemarahan daripada waris penumpang MH370 masih belum reda, ekoran tidak berpuas hati dengan ketelusan maklumat mengenai kehilangan pesawat yang sudah menjagkau hari ke 25.

“Ia ibarat, sudah jatuh ditimpa tangga,” ujarnya.

Shahbudin menambah, kejadian penculikan di Semporna bukanlah perkara asing kerana sebelum ini, sudah beberapa kali kes ini terjadi.

Katanya, sebelum ini seorang pelancong Taiwan juga telah diculik setelah suaminya ditembak mati dan pelancong terbabit hanya dilepaskan beberapa hari kemudian setelah diberikan wang tebusan diberikan.

“Polis Sabah sendiri tidak menolak kejadian terbaru itu turut bermotifkan wang tebusan.

“Malah Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib percaya, penculikan ini dilakukan oleh kumpulan yang berpusat di Selatan Filipina dan dilakukan semata-mata untuk mendapatkan wang,” katanya.

Tambah Shahbudin, selain bermotifkan wang tebusan, ia juga memperlihatkan kawalan keselamatan yang boleh dipertikaikan keberkesannya.

Jelas beliau lagi, meskipun negeri Sabah di kelilingi lautan dan terdapat banyak pulau, pihak berkuasa seharusnya sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam soal keselamatan, terutamanya yang berkaitan pelancong.

“Kekerapan kes penculikan ini, di tambah pula dengan insiden pencerobohan Lahad Datu sebelum ini, jelas memperlihatkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam soal kawalan keselamatan di negeri Sabah, dan memerlukan perhatian yang serius dari pihak berwajib,” ujarnya.

Katanya lagi, sebagaimana insiden lain seperti kehilangan pesawat MH370 dan sebagainya, kita tidak seharusnya membuat sebarang spekulasi atau andaian awal mengenai motif dan siapa yang terlibat, kecuali setelah benar-benar mendapat kepastian dan mempunyai bukti yang kukuh.

“Tetapi dalam insiden penculikan ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak awal-awal lagi sudah membuat spekulasi dan andaian awal mengenainya.

“Beliau menulis di twitternya, bahawa beliau tidak menolak kemungkinan kejadian kes penculikan ini didalangi oleh pihak-pihak tertentu yang cuba mengeruhkan lagi hubungan Malaysia dengan China,” ujarnya.

Dengan hanya bersandarkan andaian dan kebetulan kemarahan warga China berikutan insiden kehilangan pesawat MH370, Najib seolah-olah terus membuat kesimpulan bahawa ia didalangi oleh mereka yang mahu mengeruhkan keadaan hubungan Malaysia dan juga China.

“Siapakah pihak yang dimaksudkan Najib dan adakah beliau pasti mengenainya?

“Apakah pula bukti yang menyokong dakwaan itu dan bukannya ini bertentangan dengan kenyataan Pesuruhjaya Polis Sabah yang mengaitkannya dengan penculikan bermotifkan wang?” soal Shahbudin.

Ujarnya, persoalan yang lebih penting ialah wajarkah seorang perdana menteri membuat spekulasi sedemikian rupa seolah-olah semua perkara dikaitkan dengan unsur politik?

Jika dalam insiden MH370, rakyat diingatkan agar jangan membuat sebarang spekulasi dan mendengar maklumat sah daripada kerajaan, tetapi kenapakah dalam kejadian penculikan ini, Najib sendiri memilih untuk menjadi spekulator nombor satu mengenainya?

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source:

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/04/penculikan-di-semporna-pm-tak-wajar-buat-spekulasi/>